ZAMRI IBRAHIM lwn. IJM CORPORATION BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KANGAR
ABU BAKAR KATAR PK
[KEBANKRAPAN NO: 29NCC-143-09-2014]
15 MEI 2015

KEBANKRAPAN: *Notis – Pengetepian – Tuntutan sebahagian jumlah penghakiman dalam notis kebankrapan pertama – Permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan kedua – Sama ada jumlah dalam notis kebankrapan dijumlahkan bagi membolehkan penghutang penghakiman mengetahui jumlah yang seharusnya dibayar – Sama ada notis kebankrapan pertama menunjukkan niat menuntut sebahagian jumlah penghakiman sahaja – Kegagalan menyatakan jumlah yang dituntut hanya sebahagian dan baki akan dituntut kemudian – Sama ada jumlah yang dituntut dalam notis pertama muktamad*

Pemiutang penghakiman memulakan tindakan terhadap penghutang penghakiman menuntut sejumlah RM36,609.78 manakala penghutang penghakiman menuntut balas atas kegagalan pemiutang penghakiman menyerahkan milikan kosong hartanah. Hakim Mahkamah Tinggi menolak tuntutan pemiutang penghakiman dan membenarkan tuntutan balas penghutang penghakiman. Terkilan dengan keputusan tersebut, pemiutang penghakiman memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan dan rayuan pemiutang penghakiman dibenarkan di mana penghutang penghakiman diperintahkan membayar sejumlah RM105,501.13 bersama-sama dengan jumlah penghakiman Mahkamah Tinggi sebanyak RM467,568 dengan faedah yang telah dibayar oleh pemiutang penghakiman berserta kos. Penghutang penghakiman memfailkan notis usul untuk kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Persekutuan membenarkan jumlah RM105,501 dan faedah ditangguhkan sementara menunggu pendengaran notis usul. Sementara itu, pemiutang penghakiman memfailkan notis kebankrapan pertama ('NK1') terhadap penghutang penghakiman untuk menuntut sebahagian perintah Mahkamah Rayuan iaitu sejumlah RM510,744. Apabila permohonan penghutang penghakiman untuk mengetepikan NK1 ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar ('PKP'), penghutang penghakiman membayar keseluruhan jumlah yang dituntut menyebabkan pemiutang penghakiman menarik balik tindakan berasaskan NK1. Selepas itu, Mahkamah Persekutuan menolak notis usul untuk kebenaran merayu dan dengan itu, pemiutang penghakiman memfailkan notis kebankrapan kedua ('NK2') menuntut baki penghakiman Mahkamah Rayuan, iaitu, RM105,201.13. PKP menolak permohonan penghutang penghakiman untuk mengenepikan NK2 dan oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan (membenarkan rayuan dengan kos):

(1) Jumlah yang dituntut dalam notis kebankrapan mesti dijumlahkan bagi membolehkan penghutang penghakiman mengetahui jumlah yang seharusnya dibayar dalam tempoh tujuh hari yang ditetapkan. Sebaik sahaja Mahkamah Persekutuan menolak notis usul penghutang penghakiman, pemiutang penghakiman meneruskan dengan menyerahkan petisyen pemiutang dan menuntut jumlah yang sama dalam NK1. Pemiutang penghakiman menunjukkan niatnya untuk hanya menuntut jumlah RM510,744 sahaja. (perenggan 19 & 21)

(2) Berdasarkan fakta, jelas bahawa (i) pemiutang penghakiman telah mengesahkan jumlah RM510,744 dalam NK1 dan petisyen pemiutang; (ii) tidak pernah dinyatakan dalam NK1 atau petisyen pemiutang atau mana-mana prosiding bahawa jumlah yang dituntut hanya sebahagian jumlah penghakiman dan bakinya akan dituntut kemudian; (iii) sekiranya pemiutang penghakiman berhasrat menuntut jumlah yang lebih tinggi NK1, ia sepatutnya menarik balik NK1 dan memfailkan notis kebankrapan baru dan memasukkan keseluruhan jumlah penghakiman yang diperintahkan oleh Mahkamah Rayuan. Oleh itu, jumlah yang dituntut dalam NK1 merupakan jumlah muktamad. (perenggan 22)

(3) Pemiutang penghakiman tidak menyatakan dalam notis pemberhentian bahawa tindakan diberhentikan dengan kebebasan memfailkan semula. Peguam pemiutang penghakiman juga tidak menghadirkan diri di hadapan PKP semasa petisyen pemiutang dibatalkan. Sekiranya pemiutang penghakiman berhasrat untuk menuntut baki penghakiman yang menjadi asas NK2, peguam pemiutang penghakiman sepatutnya hadir di hadapan PKP untuk menyatakan petisyen pemiutang dibatalkan dengan kebebasan memfailkan semula. Tindakan pemiutang penghakiman sebaik menerima bayaran RM510,744 bagi NK1 boleh dianggap sebagai tidak berhasrat menuntut baki penghakiman yang menjadi asas NK2. (perenggan 35, 37 & 38)

Kes-kes yang dirujuk:

Apirami Sdn Bhd v. Tamil Nesan (M) Sdn Bhd & Ors [1986] 1 CLJ 493; [1986] CLJ (Rep) 279 HC ***(dirujuk)***

Eshah Sa'at v. Meriam Sa'at & Ors [1975] 1 LNS 37 HC ***(dirujuk)***

Government Of Malaysia v. Lim Kit Siang & Another Case [1988] 1 CLJ 219; [1988] 1 CLJ (Rep) 63 SC ***(dirujuk)***

Liew Siew Kiat lwn. Wing Bee Credit & Leasing Sdn Bhd [2003] 7 CLJ 561 HC ***(dirujuk)***

Low Mun v. Chung Khiaw Bank Ltd [1987] 2 CLJ 400; [1987] CLJ (Rep) 172 SC ***(dibezakan)***

OCBC Bank (Malaysia) Bhd v. Sethu Ambalagara Thevar [1998] 3 CLJ 563 CA ***(dirujuk)***

Per: Wah Hai Hing Ex Parte 1: Choong Wai Wah 2: Loong Yoke Pooi [1999] 1 LNS 215 HC ***(dirujuk)***

Re Wee Kok Tiong, Ex p OCBC Bank (Malaysia) Bhd [2001] 5 CLJ 447 HC ***(dirujuk)***
Scott & English (Malaysia) Sdn Bhd v. Ling Chick Ngai [2009] 1 LNS 51 HC ***(dirujuk)***
Tuan Ahmed Abdul Rahman v. Arab-Malaysian Finance Bhd [1996] 1 CLJ 241 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, s. 3(1)(i)

Bagi pihak penghutang penghakiman - Zamri Ibrahim; T/n Zamri Ibrahim & Co
Bagi pihak pemiutang penghakiman - Jimmy SY Liew; T/n Shearn Delamore & Co

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar PK:

Pengenalan

[1] Ini merupakan rayuan oleh IJM Corporation (pemiutang penghakiman) terhadap keputusan mahkamah ini yang membenarkan rayuan hakim dalam kamar (lampiran (29)) yang membenarkan notis kebankrapan bertarikh 3 September 2014 (Notis Kebankrapan (2)) diketepikan.

[2] Pemiutang penghakiman kemudiannya telah mendapat kebenaran merayu ke Mahkamah Rayuan, Malaysia (Permohonan Sivil No: R-08-185-05-2015) terhadap keputusan mahkamah ini yang membenarkan rayuan oleh penghutang penghakiman.

Latar Belakang Kes

[3] Pemiutang penghakiman pada mulanya mengambil tindakan terhadap penghutang penghakiman melalui Tindakan Sivil No: 52-621-2001 menuntut sejumlah RM36,609.78 untuk kos penyelenggaraan dan caj-caj lain hartanah tersebut. Penghutang penghakiman telah membuat tuntutan balas atas kegagalan pemiutang penghakiman menyerahkan milikan kosong.

[4] Kes ini kemudiannya dipindahkan ke Mahkamah Tinggi, Pulau Pinang dan didaftarkan sebagai Guaman Sivil No: 22-223-2009. Perbicaraan penuh telah dijalankan dan YA Hakim telah memutuskan untuk menolak tuntutan pemiutang penghakiman dan membenarkan tuntutan balas penghutang penghakiman. YA Hakim selanjutnya memerintahkan pemiutang penghakiman menyerahkan milikan kosong dan membayar ganti rugi sebanyak RM467,568 dan kos sebanyak RM20,000.

[5] Pemiutang penghakiman yang terkilan dengan keputusan YA Hakim telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan, Malaysia (Rayuan Sivil No: P-02-1635-2011). Pada 14 Mei 2013, Mahkamah Rayuan, Malaysia yang bersidang bersama YA Clement Allan Skiner HMR, YA Alizatul Khair binti Othman Kahiruddin HMR dan YA Rohana binti Yusuf HMR telah membenarkan rayuan oleh pemiutang penghakiman dan mengakaskan keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, Pulau Pinang.

[6] Mahkamah Rayuan, Malaysia telah memerintahkan penghutang penghakiman membayar kepada pemiutang penghakiman seperti berikut:

(i) RM105,501.13 untuk caj penyelenggaraan bersama faedah 4% setahun;

(ii) menyerahkan semula wang berjumlah RM467,568 bersama faedah sebanyak RM3,176 yang merupakan jumlah penghakiman Mahkamah Tinggi Malaya, Pulau Pinang yang telah dibayar oleh pemiutang penghakiman; dan

(iii) kos sebanyak RM40,000.

[7] Penghutang penghakiman yang terkilan dengan keputusan Mahkamah Rayuan, Malaysia telah memfailkan notis usul untuk kebenaran merayu ke Mahkamah Persekutuan, Malaysia. Mahkamah Persekutuan, Malaysia telah membenarkan jumlah RM105,501 dan kadar faedah ditangguhkan sementara menunggu pendengaran notis usul.

[8] Pemiutang penghakiman kemudiannya telah memfailkan notis kebankrapan bertarikh 9 Januari 2014 (Kes Kebankrapan No: 29NCC-03-01-2014) (kes kebankrapan (1)) terhadap penghutang penghakiman bagi menuntut sebahagian perintah Mahkamah Rayuan, Malaysia iaitu melibatkan jumlah tuntutan sebanyak RM510,744.

[9] Penghutang penghakiman telah memfailkan permohonan untuk mengetepikan kes kebankrapan (1) dan kemudiannya Penolong Kanan Pendaftar (PKP) menetapkan pendengaran petisyen pemiutang (creditor's petition) pada 20 Ogos 2014.

[10] Selepas penolakan permohonan ini, penghutang penghakiman telah membayar keseluruhan jumlah yang dituntut sebagaimana dalam eks. "ZI-6" dan pemiutang penghakiman menarik balik tindakan kebankrapan berasaskan notis kebankrapan (1).

[11] Pada 11 Februari 2014, Mahkamah Persekutuan, Malaysia telah menolak notis usul untuk mendapatkan kebenaran merayu dan ketika ini jumlah RM105,501.13 dan berserta kadar faedah ianya terhutang dan boleh dibayar.

[12] Pemiutang penghakiman selepas itu telah memfailkan notis kebankrapan bertarikh 3 September 2014 (notis kebankrapan (2)) bagi menuntut baki penghakiman Mahkamah Rayuan, Malaysia iaitu RM105,501.13 berserta kadar faedah.

[13] Penghutang penghakiman telah membantah notis kebankrapan (2) (lampiran (6)). Pada 20 Mac 2015, PKP telah menolak permohonan penghutang penghakiman untuk mengetepikan notis kebankrapan (2) dengan kos sebanyak RM1,000.

[14] Penghutang penghakiman yang terkilan dengan keputusan PKP telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran (29)). Pada 15 Mei 2015, mahkamah ini telah membenarkan rayuan penghutang

penghakiman dengan kos. Notis kebankrapan (2) terhadap penghutang penghakiman yang melibatkan jumlah tuntutan RM105,501.13 berserta kadar faedah diketepikan.

[15] Pemiutang penghakiman yang terkilan dengan keputusan mahkamah ini telah memfailkan notis rayuan (selepas memperolehi kebenaran merayu) ke Mahkamah Rayuan, Malaysia.

Merit Permohonan Penghutang Penghakiman

[16] Memandangkan kes di hadapan mahkamah melibatkan "rayuan kepada hakim dalam kamar", ianya perlu didengar secara "re-hearing". Mahkamah ini menumpang suluhan cahaya yang terang daripada penghakiman kes *Tuan Ahmed Abdul Rahman v. Arab-Malaysian Finance Bhd* [1996] 1 CLJ 241; [1996] 1 MLJ 30 yang telah menzahirkan pandangannya sebagaimana berikut:

> With respect, in appeals to a judge in chambers from the decision of a registrar of the High Court, the judge is not exercising appellate jurisdiction in the same sense as when he hears appeals from judgments, decisions or orders of the subordinate courts. Such appeals from decisions of the registrar are by way of an actual rehearing and the judge treats the matter as though it comes before him for the first time. The judge is therefore not confined to the points taken before the registrar so that the rule about new points being not generally open to an appellant to take on appeal does not apply. In support, we would refer to the following passage in the judgment of Payne J in *Blundell v. Rimmer* [1971] 1 All ER 1072 at p. 1076; [1971] 1 WLR 123 at p. 127:
>
> > I understand that the arguments before me ranged over a wider ground than those advanced by the parties' solicitors to the district registrar, and it was contended by counsel for the plaintiff that I was fettered by the proceedings before the district registrar and confined to the arguments which were presented to him - that no point could be raised before me which was not raised below. It is, I think, clear on authority that the appeal from the district registrar is a rehearing of the application and I am entitled to treat the matter as though it had come before me for the first time, and, moreover, that I am not fettered by the previous exercise of the district registrar's discretion, although I should, of course, give to it the weight which it deserves. Authority for this proposition can be found in the speech of Lord Atkin in *Evans v. Bartlam* and in the notes in *The Supreme Court Practice 1970* at p. 759 para. 58/1/2, p. 762 para. 58/4/1, under RSC O. 58 rr. 1 and 4.

[17] Mahkamah ini juga merujuk kes *Re Wee Kok Tiong, Ex P OCBC Bank (Malaysia) Bhd* [2001] 5 CLJ 447 di mana YA Idris Yusoff H ada memberikan pandangannya seperti berikut:

> The law is settled that an appeal to the judge in chambers takes the form of "an actual rehearing and the judge treats the matter as though it comes before him for the first time. The judge is therefore not confined to the points taken before the registrar so that the rule about new points being

A not generally open to an appellant to take on appeal does not apply". See *Hj Abdul Rahman v. Arab Malaysia Finance* [1996] 1 CLJ 241; [1996] 1 MLJ 30 (FC).

[18] Berbekalkan nas undang-undang yang dirujuk sebelum ini, mahkamah ini telah menghalusi penghujahan bertulis yang difailkan oleh pihak-pihak, B antara isu-isu yang perlu diputuskan ialah:

(a) Jumlah yang dituntut oleh pemiutang penghakiman dalam kes kebankrapan (1) dan petisyen pemiutang merupakan jumlah muktamad.

(b) Sama ada pemiutang penghakiman boleh memfailkan notis kebankrapan C (2) sebaik menerima pembayaran daripada penghutang penghakiman (eks. "ZI-6") seperti yang dituntut dalam kes kebankrapan (1).

(c) Sama ada tindak-tanduk pemiutang penghakiman sebaik menerima pembayaran bagi jumlah yang dituntut dalam kes kebankrapan (1) terjumlah kepada "estoppel".

D *Bagi Isu (a)*

[19] Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam penghutang penghakiman iaitu berdasarkan kes *Low Mun v. Chung Khiaw Bank Ltd* [1987] 2 CLJ 400; [1987] CLJ (Rep) 172; [1988] 1 MLJ 263, jumlah yang dituntut E dalam notis kebankrapan mestilah dijumlahkan dan ini bagi membolehkan penghutang penghakiman mengetahui jumlah yang seharusnya dibayar dalam tempoh tujuh hari ianya ditetapkan.

[20] Mahkamah ini berpendapat dalam kes sekarang notis kebankrapan (1) telah pun diserahkan kepada penghutang penghakiman sebelum notis usul F didengar oleh Mahkamah Persekutuan dan menuntut RM510,744 tidak termasuk jumlah RM105,501.13 yang telahpun digantung oleh Mahkamah Persekutuan.

[21] Sebaik Mahkamah Persekutuan menolak notis usul penghutang penghakiman, pemiutang penghakiman meneruskan dengan menyerahkan G petisyen pemiutang dan menuntut jumlah yang sama dalam notis kebankrapan (1). Mahkamah ini bersetuju dengan hujahan peguam penghutang penghakiman yang terpelajar iaitu pemiutang penghakiman menunjukkan niatnya hanya menuntut jumlah RM510,744 sahaja.

H **[22]** Mahkamah ini sependapat dengan penghujahan peguam penghutang penghakiman iaitu jumlah yang dituntut dalam notis kebankrapan (1) dan petisyen pemiutang merupakan jumlah yang muktamad berdasarkan fakta-fakta berikut:

(i) pemiutang penghakiman telah mengesahkan jumlah RM510,744 dalam I notis kebankrapan (1) dan petisyen pemiutang. Ianya secara jelas dinyatakan seperti berikut dalam petisyen pemiutang yang difailkan:

> Bahawa Zamri bin Ibrahim tersebut adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya berhutang wang kepada kami sebanyak RM510,744.00 yang merupakan jumlah yang tertunggak melalui

satu penghakiman yang diperolehi di Mahkamah Rayuan Malaysia (Bidang Kuasa Rayuan) Rayuan Sivil No. P-02-1635-2011 bertarikh 14.5.2013.

(ii) petisyen pemiutang disertai afidavit untuk menentusahkan kenyataan petisyen pemiutang.

(iii) ianya tidak pernah dinyatakan dalam notis kebankrapan (1) atau petisyen pemiutang atau mana-mana prosiding jumlah yang dituntut sebahagian penghakiman dan bakinya akan dituntut kemudian sebagaimana dalam notis kebankrapan (2). Mahkamah ini bersetuju pemiutang penghakiman perlu menzahirkan jumlah yang sebenar dituntut sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Low Mun* (*supra*).

(iv) mahkamah ini turut merujuk penghujahan bertulis peguam pemiutang penghakiman bertarikh 4 Jun 2014 (eks. "ZI-12") di perenggan 42 yang hanya menuntut jumlah penghakiman yang telah dibayar menurut perintah Mahkamah Tinggi Malaya, Pulau Pinang.

(v) mahkamah ini juga menimbangkan fakta pemiutang penghakiman boleh menuntut keseluruhan penghakiman Mahkamah Rayuan, Malaysia sebaik Mahkamah Persekutuan menolak notis usul untuk kebenaran merayu. Sebaiknya pemiutang penghakiman masih memilih untuk meneruskan kes kebankrapan (1) iaitu untuk jumlah RM510,744.

(vi) mahkamah ini bersetuju sekiranya pemiutang penghakiman berhasrat untuk menuntut jumlah yang lebih tinggi daripada notis kebankrapan (1), sepatutnya pemiutang penghakiman menarik balik notis kebankrapan (1) dan memfailkan notis kebankrapan yang baru dan memasukkan keseluruhan jumlah penghakiman yang diperintahkan oleh Mahkamah Rayuan, Malaysia. Pendekatan ini ada diterangkan dalam kes *OCBC Bank (Malaysia) Bhd v. Sethu Ambalagara Thevar* [1998] 3 CLJ 563; [1998] 3 MLJ 769 yang menyatakan:

> We are not denying that the petitioning creditor is entitled to that amount but the question before us is what was the amount due under the bankruptcy notice in order to start the whole machinery of bankruptcy against the judgment debtor. As far as we are concerned the amount in the bankruptcy notice was the amount in the two banker's drafts. If the petitioning creditor (appellant) wanted a figure higher than the one in the notice, it should have withdrawn the bankruptcy notice and file a new bankruptcy notice stating the new amount and serve it on the judgment debtor. By doing so the judgment debtor has to settle the new amount as in the new notice. Until that is done, the amount due from the judgment debtor was the amount in the notice, that was RM55,211.37 and that amount was tendered by the judgment debtor through the two banker's drafts.

(vii) pemiutang penghakiman telah menerima pembayaran "ZI-6" dan notis pemberhentian ("ZI-7") telahpun difailkan.

A *Bagi Isu (b) Dan (c)*

[23] Mahkamah ini akan membincangkan isu (b) dan (c) bersekali kerana ianya saling kait-mengait antara satu dengan yang lainnya.

Penghujahan Peguam Pemiutang Penghakiman Yang Terpelajar

B **[24]** Peguam pemiutang yang terpelajar menghujahkan walaupun penghutang penghakiman telahpun menjelaskan jumlah tuntutan RM510,744 (eks. "ZI-6") bagi kes kebankrapan (1), ianya tidak menghalang pemfailan notis kebankrapan (2) bagi menuntut jumlah penghakiman berserta kadar faedah yang digantung sebelum ini oleh Mahkamah Persekutuan, Malaysia.

C **[25]** Peguam pemiutang penghakiman merujuk eks. "TCL-3" iaitu surat bertarikh 13 Februari 2014 daripada penghutang penghakiman yang mengakui jumlah penghakiman dan sekadar memohon lanjutan masa untuk membuat pembayaran. Pemiutang penghakiman tidak pernah menyatakan persetujuannya untuk mengabaikan jumlah penghakiman yang berbaki iaitu
D RM105,501.13 berserta kadar faedah yang menjadi asas notis kebankrapan (2).

[26] Peguam pemiutang penghakiman yang terpelajar telah merujuk nas-nas duluan yang memutuskan pemfailan notis kebankrapan (2) tidak dihalang selagi masih ada jumlah penghakiman yang belum dijelaskan oleh penghutang penghakiman berdasarkan perintah Mahkamah Rayuan, Malaysia yang
E menyebelahi pihak pemiutang penghakiman.

[27] Mahkamah ini dirujuk kes *Liew Siew Kiat lwn. Wing Bee Credit & Leasing Sdn Bhd* [2003] 7 CLJ 561; [2003] MLJU 483, *Low Mun v. Chung Khiaw Bank Ltd* [1987] 2 CLJ 400; [1987] CLJ (Rep) 172; [1998] 1 MLJ 263,
F *Per: Wah Hai Hing Ex Parte 1: Choong Wai Wah 2: Loong Yoke Pooi* [1999] 1 LNS 215; [1999] MLJU 183 dan *Scott & English (Malaysia) Sdn Bhd v. Ling Chick Ngai* [2009] 1 LNS 51; [2009] MLJU 45 sebagai menyokong penegasan peguam pemiutang penghakiman yang terpelajar.

[28] Peguam pemiutang penghakiman yang terpelajar juga telah
G menghujahkan semua nas-nas yang dirujuk oleh penghutang penghakiman ianya berbeza dengan fakta kes sekarang dan ianya tidak terpakai sama sekali.

Penghujahan Peguam Penghutang Penghakiman Yang Terpelajar

[29] Peguam penghutang penghakiman yang terpelajar sudah semestinya
H mengambil pendirian yang berbeza dengan peguam pemiutang penghakiman yang terpelajar berkaitan isu (a) di atas. Peguam penghutang yang terpelajar menghujahkan sebaik pembayaran dibuat atas jumlah yang dituntut dalam kes kebankrapan (1) (eks. "ZI-6"). Pemiutang penghakiman sepatutnya tidak meneruskan kes kebankrapan (1) sebaik Mahkamah Persekutuan, Malaysia
I menolak notis usul untuk kebenaran merayu pada 11 Februari 2014. Pemiutang penghakiman boleh memfailkan notis kebankrapan yang baru dan menuntut kesemua jumlah penghakiman Mahkamah Rayuan, Malaysia dan bukannya dengan memfailkan notis kebankrapan (2).

[30] Pemiutang penghakiman telah menerima bayaran penuh bagi kes kebankrapan (1) tanpa menyatakan akan menuntut bakinya dan memfailkan notis pemberhentian (eks. "ZI-7"). Peguam penghutang penghakiman yang terpelajar juga menarik perhatian mahkamah ini kepada tindak-tanduk pemiutang penghakiman yang memilih untuk tidak hadir pada 20 Ogos 2014 di hadapan PKP mahkamah ini dan PKP telah membatalkan petisyen pemiutang.

[31] Peguam penghutang penghakiman juga menghujahkan pemiutang penghakiman sepatutnya hadir dan memaklumkan kepada mahkamah bahawa pihaknya akan menuntut baki penghakiman. PKP juga telah membatalkan petisyen pemiutang tanpa apa-apa perintah untuk memfailkan semula. Sekiranya benar niat pemiutang penghakiman untuk menuntut baki penghakiman yang menjadi asas notis kebankrapan (2), pemiutang penghakiman seharusnya hadir di hadapan PKP dan memohon petisyen pemiutang dibatalkan dengan kebebasan fail semula.

[32] Peguam penghutang penghakiman menghujahkan daripada fakta-fakta yang ditonjolkan di atas, pemiutang penghakiman terikat dengan doktrin estoppel dan pihaknya dihalang daripada memfailkan notis kebankrapan (2).

Pendapat Mahkamah Ini

[33] Mahkamah ini berpendapat isu utama yang perlu diputuskan ialah sama ada pemiutang penghakiman dihalang daripada memfailkan tindakan notis kebankrapan (2) sebaik penghutang penghakiman telah membayar RM510,744 bagi menyelesaikan jumlah yang dituntut bagi kes kebankrapan (1).

[34] Peguam pemiutang penghakiman yang terpelajar dalam hujahannya telah menegaskan walaupun ada pembayaran oleh penghutang penghakiman (eks. "ZI-6") ianya tidak menghalang pihaknya memfailkan notis kebankrapan (2) menuntut jumlah penghakiman yang pada mulanya digantung oleh Mahkamah Persekutuan, Malaysia. Selanjutnya juga dihujahkan pemiutang penghutang tidak pernah menyatakan akan mengabaikan (waive) jumlah penghakiman yang belum dijelaskan sebaik bayaran atas kes kebankrapan (1) dibayar sepenuhnya.

[35] Mahkamah ini telah meneliti notis pemberhentian yang difailkan dan pemiutang penghakiman tidak menyatakan untuk memberhentikan tindakan dengan kebebasan memfailkan semula sekiranya benar niatnya untuk memfailkan notis kebankrapan (2) bagi menuntut baki penghakiman Mahkamah Rayuan, Malaysia bertarikh 14 Mei 2013.

[36] Mahkamah ini juga telah menimbangkan tindakan peguam pemiutang penghakiman yang tidak menghadirkan diri pada 20 Ogos 2014 di hadapan PKP semasa petisyen pemiutang dibatalkan. Bagi kemudahan rujukan diperturunkan nota keterangan kes kebankrapan (1) yang menunjukkan secara jelasnya:

A DALAM KAMAR

CORAM: PUAN NURUL HAFZAN BINTI AB AZIZ

TARIKH: 20 AUG 2014

En Zamri bagi pihak JD

B JC tidak hadir

JC telah menyerahkan Notis Pemberhentian kerana saya telah membuat penyelesaian penuh seperti tuntutan. Sesalinan Notice of Discontinuance [dikemukakan].

C Mahkamah:

CP dibatalkan

TT Puan Nurul Hafzan Binti Ab Aziz

[37] Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam penghutang penghakiman yang terpelajar apabila menyatakan sekiranya benar pemiutang D penghakiman berhasrat untuk menuntut baki penghakiman yang menjadi asas notis kebankrapan (2), peguam pemiutang penghakiman sepatutnya hadir di hadapan PKP untuk menyatakan petisyen pemiutang dibatalkan dengan kebebasan memfailkan semula. Sebagai perbandingan mahkamah ini merujuk kepada nas-nas duluan di mana perkataan "liberty to file afresh" dicatatkan E apabila membatalkan sesuatu tindakan dengan membenarkan memfailkan tindakan yang baru. Mahkamah ini merujuk kes *Eshah binti Sa'at v. Meriam binti Sa'at & Ors* [1975] 1 LNS 37; [1975] 2 MLJ 97 di mana mahkamah mencatatkan "… the action should be struck out with liberty to file fresh action". Mahkamah ini turut merujuk kes *Apirami Sdn Bhd v. Tamil Nesan (M)* F *Sdn Bhd & Ors* [1986] 1 CLJ 493; [1986] CLJ (Rep) 279 di mana petisyen pengulungan syarikat telah dibatalkan dengan kebebaskan memfailkan petisyen yang baru. Pada pengamatan mahkamah ini ada keadaan kes yang dibatalkan dengan perintah "at liberty to apply". Perkataan yang digunakan bergantung kepada fakta sesuatu kes itu didengar atau dibicarakan. G Mahkamah ini berpendapat ianya membawa erti atau maksud yang sama. Sebagai contohnya ingin merujuk kes yang tersohor iaitu *Government Of Malaysia v. Lim Kit Siang & Another Case* [1988] 1 CLJ 219; [1988] 1 CLJ (Rep) 63; [1988] 2 MLJ 12 yang menyatakan:

> This is confirmed by a proviso in the oral judgment itself which states that H UEM and the Government were "at liberty to apply". Presumably "to apply" means to apply to the High Court to set aside the interim injunction. Hence, I cannot see anything in the oral judgment which inhibits the court.

[38] Mahkamah ini berpendapat setelah meneliti fakta kes secara I keseluruhannya, tindak-tanduk pemiutang penghakiman sebaik menerima bayaran RM510,744 bagi kes kebankrapan (1) dapatlah dianggap tidak berhasrat untuk menuntut baki penghakiman yang menjadi asas notis kebankrapan (2). Mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan peguam penghutang penghakiman bagi isu (a) dan (b) di atas.

[39] Mahkamah ini akan menyentuh nas-nas duluan yang dirujuk oleh peguam pemiutang penghakiman yang terpelajar. Dalam kes *Low Mun* (*supra*) isu utama yang dibangkitkan ialah sama ada notis kebankrapan yang mengandungi jumlah penghakiman dan kos dan kadar faedah yang belum ditentukan jumlahnya mematuhi peruntukan s. 3(1)(i) Akta Kebankrapan 1967. Mahkamah ini ingin memetik penghakiman YA Mohamed Azmi HMA yang menyatakan:

> The main issue for determination was whether a bankruptcy notice for the sum of RM2,325,000 and as well as for unspecified amount of interest and costs, is a good notice upon which bankruptcy proceedings may be founded under s. 3(1)(i) Bankruptcy Act 1967.

[40] Peguam pemiutang penghakiman yang terpelajar bergantung kepada kes *Low Mun* (*supra*) sebagai nas sandarannya iaitu walaupun sebahagian jumlah penghakiman telah dibayar, ianya tidak menghalang untuk memfailkan notis kebankrapan (2). Mahkamah merujuk penghakiman berkaitan yang menyatakan:

> The demand for payment in the notice must not only be quantified but must also be the correct sum owing as at the date of the notice. In the circumstances, the bankruptcy notice should have made it clear that the demand for payment was limited only to the principal sum of RM2.325 million, or both the interests and the costs should have been left out altogether and when their amounts had been ascertained, they could before adjudication be made the subject of a separate bankruptcy notice. Alternatively both the interests and the costs should be quantified first before notice was issued on the whole judgment debt. In any event, any balance of a judgment debt including interests and costs not demanded in the notice could subsequently be proved in bankruptcy to the Official Assignee under Part III of the Bankruptcy Act.

[41] Mahkamah ini berpendapat pandangan YA berkenaan ianya dizahirkan secara *obiter dicta* semata-mata. Mahkamah ini juga berpendapat fakta kes *Low Mun* (*supra*) berbeza memandangkan tiada isu pembayaran dan "estoppel by conduct" sebagaimana kes di hadapan mahkamah sekarang.

[42] Mahkamah ini telah meneliti nas-nas duluan yang dirujuk oleh peguam pemiutang penghakiman yang terpelajar iaitu semua kes melainkan kes *Low Mun* (*supra*) ianya merupakan keputusan Mahkamah Tinggi dan ianya dengan hormat, tidak mengikat mahkamah ini untuk mengikutinya dalam konteks "binding precedent".

Kesimpulan

[43] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini membenarkan rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran (29)) dengan kos.